

# RINGAN BEBAN SISWI

Fair & Lovely  
salur biasiswa  
RM200,000  
kepada  
40 penuntut  
wanita terpilih

**Siti Zarinah Sahib**  
sitzarinah@hmetro.com.my

Tidak semua individu bernasib baik, ada yang bijak dan mempunyai impian mencapai kejayaan di peringkat universiti, tetapi tidak berkemampuan. Bagi sesetengah orang, kewangan mungkin menjadi cabaran dan penghalang utama untuk mengejar cita-cita. Lantas impian mereka berkubur begitu saja.

Memahami akan hal ini, jenama kecantikan Fair & Lovely menganugerahkan biasiswa berjumlah RM200,000 kepada wanita muda terpilih yang sedang melanjutkan pengajian di

peringkat diploma dan ijazah di universiti awam.

Diadakan buat tahun kedua, anugerah biasiswa Fair & Lovely ini membolehkan semua wanita membentuk masa depan mereka menerusi kekuatan dalaman dan keyakinan diri yang terhasil daripada penampilan yang semakin cerah berseri. Dengan cara ini ia dapat memberi inspirasi kepada golongan wanita menerusi pendidikan dan kecantikan.

Pada majlis penyampaian biasiswa, 40 wanita muda menerima RM5,000 setiap seorang sebagai pembiayaan yuran pengajian dan pembelian buku sepanjang

pengajian.

Menurut Pengurus Jenama Fair & Lovely, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd Callista Fernandez, pihaknya menerima 12,044 permohonan daripada 23 universiti awam berbanding 8,000 permohonan tahun lalu.

“Kami mengambil berat mengenai cita-cita dalam peluang pendidikan. Peningkatan kos sara hidup menyebabkan ramai pelajar berdepan masalah kewangan. Biasiswa ini memberi peluang kepada wanita untuk melanjutkan pengajian tanpa rasa bimbang,” katanya.

Tambahnya lagi,



**DAIYAN (kanan) berkongsi mengenai kepentingan pendidikan dengan penerima biasiswa Fair & Lovely.**

keyakinan diri adalah satu elemen penting dalam mencapai kejayaan. Keupayaan untuk membawa diri dengan baik akan meningkatkan keyakinan diri seseorang.

Seramai 40 pelajar yang disenarai pendek adalah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) mendapat purata gred kumulatif (CGPA) minimum 3.0 selain aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Salah seorang penerima, Nur Shafiqah Zulkefli dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), mengakui biasiswa itu dapat meringankan beban keluarganya dan mendekatkan dia untuk mencapai cita-cita.

“Sebelum ini, saya merasakan cita-cita hanyalah sekadar impian, namun selepas menerima Biasiswa Fair & Lovely, saya rasa lebih bersemangat untuk melanjutkan

pengajian tanpa perlu bimbang kekangan kewangan,” katanya.

Pada majlis itu, duta jenama Fair & Lovely, Daiyan Trisha berkongsi pandangannya mengenai kepentingan pendidikan. Walaupun berdepan dengan kesibukan sebagai pelajar dan penyanyi tetapi dia sentiasa mengingatkan diri bahawa pendidikan saja mampu membuka minda untuk berpandangan jauh ke hadapan.

Lebih daripada sekadar jenama kecantikan, Fair & Lovely turut berkongsi falsafah dalam menggalakkan wanita mencapai cita-cita dan menentukan masa depan sendiri dengan memperkasa kekuatan dalaman.

Pada majlis sama, penceramah profesional, Krystal Clare Henry turut mengadakan bengkel keterampilan dan berkongsi pandangan kepentingan penampilan dalam menghadapi dunia sebenar.



**KETUA Penjagaan Kulit dan Deodoran Unilever (Malaysia) Guan Lee, Daiyan dan Callista bersama 40 penerima biasiswa Fair & Lovely 2017.**